

14 FEB 2003

Zainudin-Bahasa

BAHASA MELAYU WAJAR DIPANGGIL BAHASA MALAYSIA, KATA ZAINUDIN

SHAH ALAM, 14 Feb (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin hari ini berkata matapelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah sewajarnya dipanggil Bahasa Malaysia supaya semua rakyat dapat menerimanya dengan lebih baik.

Beliau berkata perkara ini telah diminta oleh Bapa Kemerdekaan allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ketika hayatnya bagaimanapun pada satu peringkat amanah beliau itu telah dilupakan.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam (pada majlis taklimat presiden Umno di Kuala Lumpur) juga telah menyebut perkara ini dan mengingatkan asas kita dari awal lagi.

"Tidak rugi apa-apa menggunakan gelaran Bahasa Malaysia itu malah ia akan lebih diterima oleh bangsa-bangsa lain di dalam negara ini," kata Zainudin ketika ditemui pemberita selepas Forum Pengkisahan Ketokohan dan Perjuangan Bapa Kemerdekaan Malaysia Sempena 100 tahun kelahiran Tunku Abdul Rahman di sini.

Forum berkenaan dengan kerjasama Yayasan Tunku Abdul Rahman dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dirasmikan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau berkata fahaman sesetengah orang Melayu yang menyifatkan Bahasa Malaysia itu hanya untuk orang Melayu sahaja dan tidak boleh digunakan dalam upacara keagamaan selain Islam, perlu ditolak.

Ia adalah tidak wajar, tidak logik, tidak rasional dan menyekat penggunaan Bahasa Malaysia itu di peringkat universal, katanya.

Menyentuh pengumuman Perdana Menteri semalam mengenai kurikulum sekolah kebangsaan yang akan diperbetulkan bagi menarik semua bukan Islam dan Islam menyertainya, Zainudin berkata ia penting bagi mewujudkan generasi akan datang yang lebih terbuka, rasional dan tidak bersifat chauvinis bagi mempertahankan sesuatu kaum.

-- BERNAMA

SHS RON